

UM **MORO: JAN 1987**
PENGHARGAAN
MALAYSIA
KEPADA OIC.

KUWAIT 30 Jan. — Malaysia merakamkan penghargaan khas kepada Pertubuhan Negara - Negara Islam (OIC) kerana peranannya yang telah menghasilkan kejayaan kepada perjuangan rakyat Moro di Filipina.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, usaha - usaha OIC kini telah menghasilkan persetujuan di mana pulau - pulau Filipina yang diduduki oleh umat Islam itu akan diberikan taraf autonomi.

Semasa merakamkan penghargaan ini di sidang kemuncak malam tadi, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa OIC telah lama berusaha ke arah mencari penyelesaian positif kepada perjuangan rakyat Moro.

"Kita mengucapkan terima kasih dan menghargai usaha OIC, dan berharap kedua - dua belah pihak akan menghormati persetujuan itu. Ini akan membolehkan masalah Moro itu digugurkan dari agenda OIC." katanya.